



Kazakhstan beri peluang teroka bidang baharu

Perkongasian, kerjasama dengan Malaysia terus dipertingkatkan

Astana: Kazakhstan bersetuju memberi peluang kepada syarikat Malaysia untuk meneroka pelbagai bidang di negara Asia Tengah itu termasuk perlombongan dan tenaga boleh baharu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kazakhstan juga mahu mengukuhkan kerjasama termasuk perkongsian pengetahuan kerana Malaysia mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam industri pembuatan cip.

“Kazakhstan adalah negara penting di Asia Tengah kerana kekuatan ekonominya dan mereka juga mahu hubungan dengan Malaysia terus ditingkatkan.”

“Mereka memberi peluang dan insentif istimewa kepada kita kerana hubungan dua hala dan diplomatik antara kedua-dua negara yang bermula sejak 1992, cuma ia tidak ditingkatkan,” katanya ketika sidang media pada akhir lawatan rasmi selama dua hari ke Kazakhstan, semalam.

Anwar tiba di sini kelmarin, dalam usaha mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Beliau yang juga Menteri Ke-

wangan berkata, kesepakatan itu dibuat pada pertemuan dengan Presiden Kazakhstan, Kassym-Jomart Tokayev di Istana Presiden (Ak Orda) di sini, kelmarin yang disusuli mesyuarat dua hala delegasi masing-masing.

Turut sama dalam delegasi Perdana Menteri ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar serta pegawai kanan pelbagai kementerian dan agensi.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Kazakhstan juga mahu memudah cara proses perdagangan dan pelaburan bagi menarik pelabur serta komuniti perniagaan meneroka peluang kerjasama baharu.

“Kita juga mahu mengukuhkan kerjasama dalam sektor berkepentingan seperti halal, perbankan Islam dan pertanian,” kata beliau.

Tandatangani empat MoU

Mengenai Mesyuarat Pelaburan Meja Bulat Kazakhstan-Malaysia, semalam, Anwar berkata, empat memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani pada sesi berkenaan yang dijangka menjana eksport RM1.6 bilion (AS\$350 juta).

MoU dimeterai semalam melibatkan Institut Kajian Strate-

gik dan Antarabangsa (ISIS) dan Institut Kajian Strategik Kazakhstan (KazISS) serta Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan Dewan Perniagaan Kebangsaan Kazakhstan (Atameken).

Turut memeterai MoU adalah Hyrax Oil Sdn Bhd dan Kumpulan Syarikat Alegeum Electric serta antara Berkat OSH Services Sdn Bhd dan APEC Training Center LLP.

Sementara itu, Tokayev menyatakan kesediaan negaranya untuk meningkatkan interaksi dan kerjasama dengan Malaysia semasa lawatan rasmi Anwar ke ibu negara Astana, kelmarin.

“Kazakhstan dan Malaysia mempunyai hubungan persahabatan dan kerjasama yang lama. Kami bersedia melakukan usaha tambahan untuk meningkatkan interaksi dan kerjasama kami dalam banyak bidang penting,” kata Tokayev semasa perbincangan dengan Anwar, lapor Agensi Anadolu, memetik kenyataan presiden Kazakhstan.

Sambil menegaskan bahawa beliau percaya lawatan Anwar akan memberi dorongan kuat kepada perkembangan lanjut hubungan antara Kazakhstan dan Malaysia, Tokayev berkata, asas kukuh kerjasama yang saling menguntungkan terbentuk sepanjang 30 tahun hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Tokayev percaya ini menjadi semakin penting ‘dengan mengambil kira realiti geopolitik dan ekonomi moden’. BERNAMA